

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH : 17 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9285

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan untuk meningkatkan nilai integriti dalam agensi penguatkuasaan di Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sejauh mana keberkesanan pelan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memandang serius terhadap tahap integriti setiap warga Kementerian khususnya tahap integriti pegawai penguatkuasa. Oleh demikian, pelbagai program pengukuhan integriti telah dan masih dilaksanakan sepanjang tahun sama ada di peringkat Kementerian mahupun di peringkat Jabatan/Agensi. Di peringkat Kementerian, bagi tempoh Januari - September 2016, sebanyak 8 siri Program Penerapan Nilai-Nilai Murni dan Penghayatan Integriti telah dilaksanakan yang melibatkan pegawai dan kakitangan Jabatan / Agensi / Bahagian di bawah KDN yang bertugas di Kedah, Sabah, Sarawak, Terengganu, Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya, Melaka, Perlis dan Kelantan yang melibatkan sekurang-kurangnya 900 orang peserta daripada pelbagai gred dan skim perkhidmatan.

Objektif penganjuran program ini adalah bagi menerapkan nilai-nilai murni serta etika yang luhur kepada semua warga kementerian, memberi kesedaran dan kefahaman kepada warga KDN dalam usaha memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta pemantapan integriti melalui pendekatan kerohanian; dan bagi membentuk warga kerja yang berperibadi mulia dan berintegriti sebagai pemangkin kepada organisasi.

Di peringkat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), pelbagai langkah serta merta dan berterusan telah dan akan dilaksanakan. Antara usaha yang telah dijalankan adalah pewujudan Pelan Integriti Jabatan 2013 – 2015 dan diteruskan dengan Pelan Integriti Jabatan 2016 – 2020 dengan matlamat amalan dan budaya kerja berintegriti yang mampu melibatkan semua pegawai dan anggota JIM yang berjumlah 14,000 orang diseluruh negara. Beberapa langkah transformasi turut dilakukan meliputi aspek perancangan perkhidmatan strategik, peringkat pelaksanaan dan penilaian keberkesanan terhadap usaha yang dibuat.

Manakala bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM), beberapa inisiatif telah dilaksanakan melalui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk merealisasikan Pemantapan Integriti dan Pematuhan Standard warga PDRM. Antara inisiatif yang telah diambil termasuk (i) mengeluarkan Manual Pematuhan Standard PDRM yang akan menjadi mekanisma “kawal selia” dalam memastikan pematuhan kepada semua arahan, peraturan dan undang-undang, (ii) mengeluarkan Pelan Integriti 2016-2020 yang bertindak sebagai pemacu budaya organisasi berpaksikan Integriti dan Pematuhan Standard, (iii) mewujudkan Kod Etika PDRM bagi memastikan setiap tingkah laku hendaklah berasaskan nilai-nilai murni yang telah diperaku dan diterjemahkan melalui Kod Etika PDRM ini, (iv) menjalankan pemeriksaan dan *integrity testing* ke atas semua warga kerja PDRM di semua penugasan dalam pasukan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan, arahan

pentadbiran dan prosedur kerja yang berkuatkuasa serta menepati standard yang ditetapkan, (v) tidak berkompromi ke atas warga PDRM yang melakukan kesalahan tatatertib dan mengambil tindakan tegas termasuk buang kerja atau turun pangkat dan (vi) mengeluarkan *lesson learnt* bagi memberi iktibar dan pengajaran serta mengelakkan kejadian yang sama berulang dimasa akan datang.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH**
FADZIR [KULIM/BANDAR BAHARU]
TARIKH : **17 OKTOBER 2016 [ISNIN]**
SOALAN : **17**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil yang diperolehi negara dan rakyat selepas Program Angkasawan Negara Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2006 yang lalu serta perancangan Kerajaan dalam meneruskan program ini pada masa akan datang bagi memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Program Angkasawan Negara (PAN) merupakan sesuatu program yang boleh dibanggakan oleh Negara kerana ia telah banyak memberi faedah kepada penyelidikan sains angkasa lepas negara seperti antara lainnya seperti berikut:-

- (i) Di bawah **Bidang Penerokaan bidang baru dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D)**, program Angkasawan telah berjaya membuka peluang dan melahirkan kumpulan pakar penyelidik tempatan yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan sains angkasa dan bertaraf antarabangsa.

Hasil-hasil penyelidikan dari program ini juga telah memberi sumbangan kepada penjana ilmu dan pengetahuan baharu dalam bidang perubatan dan farmaseutikal, sains hidupan dan bioteknologi. Sebanyak lapan (8) paten daripada penyelidikan di *International Space Station (ISS)* telah difailkan di Malaysia dan antarabangsa.

- (ii) Berkaitan **Pengiktirafan dan kerjasama antarabangsa**, program ini telah memberi impak terhadap peningkatan dan taraf program angkasa lepas negara yang boleh diterjemahkan menerusi peningkatan peranan Malaysia di peringkat antarabangsa. Antara contoh penglibatan Malaysia di peringkat antarabangsa adalah kerjasama dalam program-program inisiatif mikrograviti antarabangsa seperti *Japan Aerospace Exploration Agency*, *Roscosmos State Corporation for Space Activities, Russia* dan *United Nations Office for Outer Space Affairs*.

- (iii) Program Angkasawan ini juga telah menyumbang kepada peningkatan **Kesedaran awam dalam bidang sains dan teknologi** di mana ia telah berjaya meningkatkan minat dan kesedaran rakyat dan pelajar-pelajar khususnya terhadap Sains Angkasa secara amnya dan kepentingan sains, teknologi dan inovasi secara umumnya. Kementerian telah menjalankan

pelbagai program kesedaran awam dan juga program pendidikan seperti program komunikasi bersama angkasawan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) dan program penyelidikan *Malaysia Space Seed*.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan kesinambungan Program Angkasawari, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menghantar angkasawan negara ke ISS. Sehubungan itu, kerajaan telah menjenamakan semula Program Angkasawan Negara kepada Program Mikrograviti Negara.

Objektif utama program ini ialah untuk meneruskan penyelidikan mikrograviti di ISS tanpa melibatkan penghantaran angkasawan dari Malaysia. Pendekatan ini adalah lebih ekonomik dan manfaat hasil penyelidikan adalah sama seperti penghantaran angkasawan ke ISS.

Program Mikrograviti Negara ini memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk pembangunan kapasiti, fasiliti dan peningkatan tahap kesediaan negara dalam bidang pendidikan dan industri hingga ke perigkomersialan produk.

Buat masa ini Kementerian telah menjalankan kerjasama dengan pihak Jepun menerusi *Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA)* dalam menjalankan penyelidikan tanpa angkasawan seperti kajian menerusi penerbangan parabola (*parabolic flight*), penghabluran protein dan ujikaji pertanian di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Selain itu, beberapa kajian mikrograviti juga sedang giat dijalankan secara *ground based* oleh penyelidik tempatan dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Penyelidikan Bioperubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UMBI, UKM) serta Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dengan menggunakan peralatan khas *Random Positioning Machine* (RPM) dan klinostat iaitu sejenis alat yang dapat memberikan kesan mikrograviti tiruan menerusi pembatalan daya graviti.

Program-program seperti ini akan dapat memberi manfaat maksimum kepada industri, pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara.

Sekian, terima kasih.